



NOTIS PERINGATAN PENGUMPULAN MATA CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT 2027

Selaras dengan *Veterinary Surgeons (Continuing Professional Development) (Amendment) Directive 1/2016*, salah satu kriteria permohonan bagi sijil Perakuan Amalan Tahunan (APC) adalah keperluan memiliki sekurang-kurangnya minimum **50** mata *Continuing Professional Development* (CPD) dan minimum **30** mata *Continuing Professional Development* (CPD) bagi **RVS** yang berumur **60 tahun** dan keatas. Seperti yang sedia maklum, mata CPD perlulah dikumpul dalam tempoh kitaran tahun CPD yang telah ditetapkan iaitu bermula 1 Oktober sehingga 30 September tahun seterusnya. Justeru, diingatkan bagi permohonan sijil **APC** bagi tahun **2027**, mata CPD perlu dikumpulkan bermula daripada **1 Oktober 2025 sehingga 30 September 2026 SAHAJA**. Bagi mata CPD yang dikumpulkan bermula 1 Oktober 2026, ianya akan diambil kira untuk permohonan sijil APC bagi tahun 2028. Oleh yang demikian, semua Registered Veterinary Surgeon (RVS) dinasihatkan untuk mengambil maklum berkaitan perkara ini. Selain itu, audit oleh MVC akan dijalankan secara rawak terhadap Registered Veterinary Surgeon (RVS) bagi memastikan ketelusan dan pematuhan kepada keperluan CPD. Justeru, semua Registered Veterinary Surgeon (RVS) perlu memastikan bukti penyertaan seperti sijil kehadiran disimpan dengan baik untuk tujuan semakan dan audit. Perlu ditegaskan bahawa pengumpulan mata CPD adalah suatu keperluan bagi pembaharuan Sijil APC untuk tujuan mengamal perubatan veterinar secara sah. Mengamal perubatan veterinar tanpa pendaftaran dan APC yang sah adalah suatu kesalahan di sisi undang-undang dan, jika disabitkan kesalahan, pengamal perubatan serta majikan boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 17, Akta Doktor Veterinar 1974.

MAJLIS VETERINAR MALAYSIA

12 Jun 2026